



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

Peraturan 18 (1) dan Peraturan 18(2) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

Kaedah 17 Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2014

“Sila Berhemah di Media Sosial”

SEMUA STAF ATAU PELAJAR UPM DILARANG / DITEGAH:

01

Membuat apa-apa pernyataan awam atau ulasan termasuk dengan menggunakan media sosial yang boleh memudaratkan, menyatakan perkara-perkara atau maklumat yang diklasifikasikan sebagai **SULIT** atau memalukan atau memburukkan nama baik dan reputasi kerajaan / universiti / staf / pelajar lain.



02



Mana-mana staf atau pelajar yang melanggar peruntukan ini boleh diambil tindakan tatatertib.

pnc_integriti@upm.edu.my
UNIT INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSOLOR

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

Warga UPM diingatkan supaya lebih berhemah semasa membuat apa-apa pernyataan awam secara lisan/ bertulis di media massa atau semasa menggunakan kemudahan media sosial dan di medium interaksi lain di internet. Contoh-contoh pernyataan awam:

- Perbuatan atau tingkah laku dengan memberikan pandangan atau ulasan menerusi aplikasi media sosial dan elektronik yang boleh dianggap tidak menzahirkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan;
- Memudaratkan Dasar/ Rancangan/ Keputusan Universiti atau Kerajaan tentang apa-apa isu;
- Memalukan atau memburukkan nama Universiti atau Kerajaan;
- Menunjukkan kelemahan Dasar/ Rancangan/ Keputusan Universiti atau Kerajaan;
- Memberi maklumat atau fakta mengenai perjalanan fungsi Universiti atau Kerajaan;
- Memberi penjelasan berkenaan apa-apa peristiwa/ laporan berkaitan Universiti atau Kerajaan;
- Memuat naik minit mesyuarat, surat lantikan, surat kelulusan; dan membuat hebahan maklumat yang diklasifikasikan sebagai **SULIT**;
- Memberi komen atau memuat naik gambar sewaktu sesi viva sedang berlangsung;
dan
- Pernyataan awam ini termasuklah ulasan kepada pihak akhbar, pernyataan, syarahan kepada orang ramai, penyiaran, penerbitan dan sebagainya dan termasuklah di media sosial.

pnc_integriti@upm.edu.my
UNIT INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSOLOR